

1985

KUALA LUMPUR, 10 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KELONGGARAN YANG DIBERIKAN KEPADA MASYARAKAT BUKAN ISLAM DI NEGARA INI MASA KINI ADALAH TIDAK BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM SEBENARNYA.

+KALAU KITA PERHATIKAN DALAM SEJARAH ISLAM, KITA DAPATI BAHAWA APABILA TERDAPAT ORANG BUKAN ISLAM DALAM SESEBUAH NEGERI YANG DITADBIR OLEH ORANG ISLAM, ADA BERMACAM-MACAM KELONGGARAN DIBERI KEPADA ORANG-ORANG BUKAN ISLAM.

+ITU DIANGGAP SEBAGAI MENGIKUT AJARAN ISLAM DAN ITULAH YANG KITA BUAT DALAM NEGARA KITA INI,+ TEGAS PERDANA MENTERI DALAM TEMUBUALNYA DENGAN MAJALAH MINGGUAN ERA KELUARAN KEDUANYA.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA BUKANLAH MENJADI SATU PERKARA YANG BERDOSA KEPADA MASYARAKAT MINORITI ISLAM DI SESEBUAH NEGARA JIKA NEGARA ITU TIDAK DITADBIR MENGIKUT ISLAM.

MENGENAI TUNTUTAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERTIMBANGAN SEDALAM-DALAMNYA HARUS DILAKUKAN KERANA IA MELIBATKAN KEWANGAN YANG BESAR.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA HAMPIR SEJUTA ORANG BEKERJA DENGAN KERAJAAN DAN JIKA DIBANDINGKAN DENGAN JEPUN, SINGAPURA, INDONESIA DAN THAILAND, NEGARA INI MEMPUYAI BIROKRASI YANG TERBESAR BERBANDING DENGAN PENDUDUKNYA.

DENGAN ITU, KATANYA, NEGARA TIDAK MUNGKIN DAPAT BERBELANJA LEBIH UNTUK GAJI TANPA MENGURANGKAN PERBELANJAAN UNTUK ORANG ATAU SEKTOR LAIN.

+SEPATUTNYALAH KITA MENAIKKAN GAJI APABILA KITA MENDAPAT PEROLEHAN YANG BANYAK. PEROLEHAN YANG BANYAK PULA BERGANTUNG KEPADA DAYA PENGELURAN,+ KATANYA LAGI.

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA DAYA PENGELUARAN NEGARA BERGANTUNG KEPADA DAYA PENGELUARAN KAKITANGAN KERAJAAN, PERDANA MENTERI BERKATA SEBARANG KENAIKAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN AKAN SETERUSNYA BERGANTUNG KEPADA DAYA PENGELUARAN NEGARA YANG LEBIH BANYAK.

MENYENTUH HUBUNGAN ANTARA MAJIKAN DAN KESATUAN SEKERJA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA BANYAK BERGANTUNG KEPADA TINDAKAN KESATUAN SEKERJA ITU SENDIRI.

KATANYA JIKA SESEBUAH KESATUAN ITU BERSIKAP MILITAN SERTA MEMPUYAI KECENDERUNGAN POLITIK, MAJIKAN MUNGKIN TAKUT UNTUK MENDEKATINYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU SUKACITA KERANA PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA DALAM KERAJAAN BERSIKAP BERANI MEMPERKATAKAN SESUATU YANG BENAR DAN REALISTIK WALAUPUN MEREKA KELAK TIDAK MENJADI POPULAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KETENANGAN INDUSTRI DALAM TIGA TAHUN YANG LALU ADALAH SATU KEJAYAAN BAGI NEGARA INI.

MENYENTUH PERANAN AKHBAR, PERDANA MENTERI BERKATA SEBARANG TINDAKAN KERAJAAN KE ATAS AKHBAR BUKAN KERANA INGIN MEMBUKTIKAN KEANGKUHAN KUASANYA TETAPI KERANA RASA BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KEAMANAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA.

+SAYA BRERHARAP KONSEP TABLOID YANG CUMA NAMPAK SOAL SENSASI, SEKS YANG LEBIH MIRIP PADA CORAK PEMBERITAAN AKHBAR LUAR NEGERI SEPERTI +NEWS OF THE WORLD+ ATAU +DAILY MIRROR+ TIDAK PERLU DALAM NEGARA YANG MEMBANGUN SEPERTI NEGARA INI,+ TEGASNYA. -- BERNAMA.